



JAINAB (dua kiri) menyampaikan replika cek bernilai RM3,000 kepada Harun sebagai bantuan keperluan Konvoi Rentas Borneo yang sudah memulakan perjalanan program bermula kelmarin.

108 sertai Konvoi Rentas Borneo 4 anjuran UMS

Oleh SADDAM EDRIS

UB 25.4.2017 89
KOTA KINABALU: Seramai 108 peserta Konvoi Rentas Borneo 4 anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) memulakan perjalanan kelmarin dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda ke Kampung Magandai sehingga 28 April ini.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata program berkenaan adalah acara tahunan UMS yang kini memasuki siri keempat bagi tahun ini.

“Bagi tahun ini, Kampung Magandai Kota Marudu akan menjadi destinasi baharu yang melibatkan peserta terdiri daripada ahli akademik, pentadbiran, pelajar dan kakitangan agensi kerajaan serta swasta dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda sebanyak 27 buah.

“Matlamat Rentas Borneo pula adalah bagi mendekati masyarakat yang tinggal jauh di pedalaman dengan akses jalan yang sangat terhad adalah satu usaha murni dan pihak

pengurusan UMS sentiasa memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi,” katanya ketika berucap sempena Pelepasan Konvoi Rentas Borneo 4: Ekspedisi Permata Rimba Magandai, di sini, kelmarin.

Jelas Harun dengan penganjuran program sedemikian, warga universiti sama ada ahli akademik, pentadbiran atau pelajar haruslah serba boleh iaitu dapat berfungsi di mana sahaja dan tidak hanya menghabiskan masa di bilik kuliah mahupun di pejabat semata-mata.

Justeru, beliau menaruh keyakinan tinggi bahawa program konvoi berkenaan akan mampu membawa impak tinggi kepada masyarakat setempat yang terlibat.

Ketika berucap merasmikan pelepasan konvoi, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Jainab Ahmad Ayid turut merakam ucapan tahniah kepada warga UMS yang dedikasi menganjurkan program itu setiap tahun dengan jayanya.

Katanya semangat yang

ditunjukkan oleh semua yang terlibat jelas membuktikan kepekaan mereka terhadap keperluan masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman.

“Saya percaya menerusi penganjuran ini juga hubungan warga UMS dan masyarakat yang tinggal di pedalaman dapat dieratkan lagi.

“Sememangnya, semua yang terlibat pula inginkan cabaran untuk melaksanakan suatu program yang amat mencabar bagi membina minda dan melatih diri agar cekal dan tekak menghadapi cabaran sepanjang konvoi,” jelasnya.

Beliau berkata kepimpinan negeri turut mengalu-alukan penganjuran program sedemikian agar terus dilaksanakan dan pihaknya bersedia untuk membantu dari segi kewangan.

Pada majlis itu, Jainab menyampaikan sumbangan berupa wang tunai berjumlah RM8,000 iaitu RM3,000 untuk tujuan konvoi, manakala selebihnya bagi penganjuran program melibatkan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam) di UMS.